

Norlela Kamaluddin
ACIS, UiTM Kampus Seremban

ELEMEN PENGHAYATAN AKHLAK

MENURUT AL-GHAZALI

Akhlak merupakan gambaran tentang keadaan **DALAM DIRI/JIWA** manusia yang telah sebatik dan daripadanya terbit tingkah laku secara mudah dan senang tanpa memerlukan pertimbangan atau pemikiran




PENGHAYATAN AL-QURAN

Membaca, tadabbur, tafakkur dan tabayyun, serta mengamalkan dan menyebarkan isi kandungan al-Quran.

Firman Allah SWT bermaksud: "Maka apakah mereka tidak mentadabburkan al-Quran? Atau hati mereka terkunci." (Muhammad: 24)



RASULULLAH SAW QUDWAH HASANAH



Meyakini, mahami, melaksanakan dan menyebarkan sunnah Rasulullah dalam pelbagai bidang kehidupan.

Firman Allah SWT bermaksud: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik." (Al-Ahzab: 21).

PENDIDIKAN & PERLAKSANAAN IBADAH

Menunaikan semua ibadat yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT bermaksud: "Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa." (Al-Baqarah: 21)



MUHASABAH DIRI



Membuat penilaian dan refleksi sendiri pada setiap masa.

Firman Allah SWT bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (daripada amalannya) untuk hari esok (hari akhirat)." (Al-Hasyr: 18)

(Al-Hasyr: 18)

